



Gibraltar BSN



**KAMI
MELINDUNGI
IMPIAN
ANDA**

www.gibraltarsbn.com

**Laporan Prestasi Dana Berkaitan Pelaburan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember**

2018



ISI KANDUNGAN

Perutusan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif	3
Objektif Pelaburan Dana	5
Ulasan Pelaburan	6 - 11
Prestasi Dana	12 - 20
Jadual Perbandingan Prestasi	21 - 30
Kenyataan Pengurus	31
Laporan Juruaudit Bebas	32 - 34
Penyata Aset dan Liabiliti	35 - 43
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	44 - 52
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	53 - 55
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	56 - 59
Butir-butir Pelaburan	60 - 70



PERUTUSAN Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Pemegang Polisi yang Dihormati,

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Prestasi Dana Berkaitan Pelaburan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Tahun 2018 telah membawakan kemudahruapan yang ketara - pasaran yang pada awalnya kukuh telah menyusut akibat tekanan penjualan bersandarkan ketidakpastian dasar-dasar Kerajaan Malaysia baru, ketegangan perang dagang di antara AS dan China, dan jangkaan kenaikan kadar faedah di AS. Kesan domino yang dibawakan oleh keadaan kewangan global dan tempatan telah menjejaskan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 4.7% berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya. Namun saya yakin bahawa Malaysia mampu memenuhi unjuran KDNK bagi tahun 2019 yang disasarkan pada 4.5-4.8%.



Tumpuan kami sentiasa terhadap strategi-strategi pelaburan jangka panjang bagi menjana pertumbuhan mantap dan mampan berlatarkan persekitaran ekonomi yang mencabar, dan prestasi dana berkaitan pelaburan kami terbukti menunjukkan prestasi jangka panjang yang menggalakkan. Kadar pulangan purata tahunan untuk dana ekuiti domestik, iaitu Dana Gibraltar BSN Strategic dan Dana Gibraltar BSN Aggressive, masing-masing adalah 18.4% dan 26.3% sejak penubuhannya. Oleh kerana kami sentiasa berusaha untuk mendapatkan pulangan pelaburan yang lebih tinggi bagi para pemegang polisi kami, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa kami telah menggabungkan aset-aset dana asing kami ke dalam Dana Gibraltar BSN AsiaEquity berkuatkuasa mulai 7 Januari 2019. Dana ini sesuai bagi para pemegang polisi yang ingin mempelbagaikan tumpuan domestik mereka dan mencapai keuntungan menerusi potensi pertumbuhan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Asia kecuali Jepun.



PERUTUSAN

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

2018 merupakan sebuah tahun yang penting bagi Gibraltar BSN kerana kami telah mencapai matlamat yang termaktub di dalam ASCEND, pelan strategi transformasi syarikat kami yang merangkumi 3 tahun. Sepanjang tahun ini, kami telah melancarkan beberapa produk baru yang menarik, memperluaskan secara agresif rangkaian jualan dan pengedaran kami untuk menjangkau segmen pelanggan yang lebih pelbagai, dan menaiktarafkan penyelesaian digital bagi meningkatkan pengalaman pelanggan dan memacu kecekapan operasi. Kami secara lanjut telah memantapkan prestasi kewangan kami di samping mengekalkan tahap modal yang kukuh. Satu lagi peristiwa utama tahun 2018 adalah pemindahan ibu pejabat dan pusat pelanggan kami ke KL Eco City dari Jalan Tun Tan Siew Sin, di mana kami telah beroperasi selama lebih 60 tahun. Sememangnya kami telah mengukuhkan lagi kedudukan kami bagi memanfaatkan peluang-peluang pertumbuhan yang wujud di pasaran.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus meningkatkan kedayasaan, memanfaatkan perubahan masa, memperbaiki persekitaran operasi, dan mengutamakan teknologi bagi menjamin prospek jangka panjang dalam usaha kami memperkuatkan persaingan dan kebolehpercayaan kami. Segala usaha-usaha kami berlandaskan janji kami untuk Melindungi Impian para pelanggan kami dan memenuhi peranan kami sebagai Pelindung Komuniti. Kami yakin dalam potensi perniagaan kami, janji kepada para pelanggan kami, kekuatan tenaga kerja kami, pertumbuhan mampan industri insurans, dan tindakan-tindakan yang kami ambil bagi mewujudkan nilai dan mencapai kejayaan pada tahun 2019.

Terima kasih atas sokongan dan kepercayaan anda yang berterusan, anda telah membantu kami membina Gibraltar BSN yang lebih kukuh. Kami berharap untuk terus memenuhi keperluan perlindungan dan pelaburan anda dalam tahun-tahun yang akan datang.

Yang Benar,

Rangam Bir

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif



Objektif Pelaburan **DANA**

DANA GIBRALTAR BSN AGGRESSIVE

Dana Gibraltar BSN Aggressive bertujuan mencapai peningkatan modal yang tekal dan melebihi paras purata bagi jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam syarikat dengan permodalan pasaran tidak lebih daripada RM750 juta pada masa perolehan.

DANA GIBRALTAR BSN STRATEGIC

Dana Gibraltar BSN Strategic bertujuan mencapai peningkatan modal yang tekal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam syarikat yang secara sistematik disaring melalui satu siri kriteria kewangan yang ditentukan terdahulu.

DANA GIBRALTAR BSN ASIAEQUITY

Dana Gibraltar BSN AsiaEquity bertujuan mencapai peningkatan modal yang tekal dan melebihi paras purata serta pendapatan munasabah dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan berkualiti yang seimbang di Malaysia dan Asia, tidak termasuk Jepun.

DANA GIBRALTAR BSN INCOME

Dana Gibraltar BSN Income bertujuan mencapai pemeliharaan modal dalam jangka sederhana sambil menjana pulangan pendapatan yang stabil dan terjamin dengan melabur terutamanya dalam portfolio sekuriti pendapatan tetap gred pelaburan.

DANA GIBRALTAR BSN BOND

Dana Gibraltar BSN Bond bertujuan mencapai pemeliharaan modal dalam jangka sederhana sambil menyediakan pulangan pendapatan jangka panjang yang stabil dan terjamin dengan melabur terutamanya dalam portfolio sekuriti pendapatan tetap gred pelaburan.

DANA GIBRALTAR BSN GLOBAL IPO

Dana Gibraltar BSN Global IPO bertujuan mencapai pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur terutamanya dalam IPO, sekuriti tersenarai pasca IPO, sekuriti hutang berfaedah dan/atau deposit.

DANA GIBRALTAR BSN GOLD AND GENERAL

Dana Gibraltar BSN Gold and General bertujuan mencapai pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur dalam syarikat yang terlibat dalam penerokaan logam berharga, tenaga dan logam murah.

DANA GIBRALTAR BSN ASIA PACIFIC INFRASTRUCTURE

Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure bertujuan mencapai pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur terutamanya dalam sekuriti (ekuiti atau sekuriti berkaitan ekuiti) yang dikeluarkan oleh syarikat yang terlibat dalam perniagaan berkaitan infrastruktur di rantau Asia-Pasifik.

DANA GIBRALTAR BSN CASH

Dana Gibraltar BSN Cash bertujuan menyediakan kecairan dengan melabur dalam instrumen pasaran wang berisiko rendah dengan tahap pengendalian modal yang tinggi.



Ulasan PELABURAN

ULASAN PASARAN EKUITI GLOBAL

Pasaran ekuiti global telah mencatatkan prestasi positif bagi tiga suku pertama sebelum jatuh pada suku terakhir tahun 2018 dengan kemerosotan sebanyak -7.2% dalam sebutan Dollar Singapura. Kebanyakan rantau utama juga mencatatkan pulangan negatif bagi 2018. Di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan pergolakan di dalam pasaran ekuiti adalah pertumbuhan global yang lembap, konflik dagang AS-China, dan keagresifan Rizab Persekutuan AS yang telah menaikkan kadar faedah sebanyak empat kali sepanjang 2018. Sentimen “kurang berisiko” jelas terbukti diamalkan di mana hasil bon Perbendaharaan AS 10 tahun jatuh dengan ketara selepas kenaikan pada November. Data makroekonomi dan petunjuk ekonomi utama meramalkan bahawa pertumbuhan global telah mencapai kemuncaknya, dan data terkini tidak memadai unjuran di kebanyakan perantauan utama, mencadangkan pertumbuhan ekonomi global masa depan semakin lemah.

Seiring dengan sentimen “kurang risiko” yang berpunca daripada data dan tinjauan ekonomi global yang lemah, kebanyakan sektor mencatatkan prestasi negatif pada tahun ini. Sektor-sektor Utiliti dan Penjagaan Kesihatan merupakan dua sektor yang mencatatkan prestasi positif kerana sektor-sektor ini mengeluarkan barangan dan perkhidmatan keperluan, manakala sektor-sektor kitaran seperti Bahan, Kewangan, dan Industri mencatatkan prestasi paling rendah. Sektor Tenaga merosot selepas harga minyak runtuh pada suku keempat 2018 berpunca daripada keraguan terhadap pemotongan output pengeluaran berikutan permintaan ekonomi yang lembap. Sektor teknologi pula merosot kerana para pelabur menunjukkan keraguan dan mempersoalkan kemampuan perkembangan sektor ini di tengah-tengah kelemahan prestasi ekonomi global.

Ekuiti AS melangkaui prestasi indeks ekuiti global pada 2018 dan mencatatkan pulangan negatif sebanyak -2.6% dalam sebutan Dollar Singapura. Kadar pertumbuhan dalam jualan runcit dan pengeluaran perindustrian semakin malap sementara keyakinan pengguna dan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) jatuh dari paras tertingginya pada Ogos 2018, walaupun masih dalam proses pengembangan. Pasaran perumahan AS masih berkembang manakala pasaran buruh kekal mantap berdasarkan kadar pengangguran yang rendah dan pertumbuhan upah yang stabil.

Prestasi ekuiti Jepun lebih rendah daripada indeks global pada 2018, akibat kelembapan pertumbuhan global dan ketegangan konflik dagang AS-China. Data ekonomi terkini Jepun dan petunjuk-petunjuk utama menunjukkan pertumbuhan ekonomi masa depan Jepun yang malap manakala tekanan inflasi permintaan dan penawaran kekal lemah. Bank of Japan tidak mengubah dasar monetari akomodatifnya dan mungkin menambahkan stimulus sekiranya diperlukan.

Prestasi Ekuiti Eropah juga kurang memuaskan berbanding indeks global akibat ketidakpastian suasana politik di Itali, dan Brexit pula meningkatkan lagi kemungkinan kelembapan ekonomi global dan ketegangan perdagangan. Data makroekonomi dan petunjuk utama semakin pasif menjelang 2018, disebabkan sebahagiannya oleh kemunduran yang dicetuskan oleh pengeluaran kenderaan yang lebih rendah dan perubahan terhadap piawai pengeluaran wasap kenderaan. Pada masa yang sama, tekanan inflasi permintaan dan penawaran kekal lemah. Bank Pusat Eropah menamatkan program pembelian asetnya pada bulan Disember 2018 tetapi telah menyatakan bahawa kadar faedah akan tetap kekal akomodatif.

Prestasi ekuiti pasaran baru muncul juga lebih rendah daripada indeks global bagi tahun yang ditinjau. Penurunan ini jelas tampil di Pasaran Asia, terutamanya di China dan Korea. Kedua-dua negara ini telah mengalami dampak negatif disebabkan oleh konflik dagang AS-China yang memburukkan lagi kelembapan ekonomi di China. Sementara itu, Korea juga terjejas akibat penyusutan ketara di dalam stok semikonduktor berikutan kemerosotan sektor teknologi secara menyeluruh. ASEAN telah mengatasi indeks Asia secara meluas (kecuali Jepun) sementara Amerika Latin mengatasi indeks ekuiti global dan juga merupakan rantau berprestasi terbaik di luar AS sepanjang tempoh yang ditinjau.



Ulasan

PELABURAN (sambungan)

ULASAN DAN STRATEGI PELABURAN PASARAN EKUITI GLOBAL

Bagi tahun 2019, kami lebih yakin terhadap prospek pasaran ekuiti global. Walau bagaimanapun, kami percaya bahawa kemudahruapan akan kekal tinggi disebabkan oleh cabaran-cabaran yang disebabkan oleh faktor makro dan geopolitik. Oleh itu, kami bersedia bertindak lebih aktif dalam menguruskan Dana Gibraltar BSN AsiaEquity.

Keyakinan kami terutamanya disebabkan oleh dasar-dasar responsif oleh bank-bank pusat dan kerajaan, terutamanya di Amerika Syarikat dan China. Rizab Persekutuan telah memberi respons positif terhadap data ekonomi lemah dan kemunduran inflasi dengan mengekalkan kadar faedah dan kedudukan lebih fleksibel dengan program penurasan mereka. Oleh itu, kami berpendapat bahawa Rizab Persekutuan bagi tahun 2019 akan menaikkan kadar faedahnya hanya sekali atau tidak sama sekali. Ini bermakna dolar AS kemungkinan besar telah memuncak dan seharusnya lebih lemah dalam tempoh terdekat, sekaligus membawa kesan positif terhadap aset-aset pasaran baru muncul. Sementara itu, China telah memulakan siri langkah-langkah dasar untuk membendung kelembapan pertumbuhan ekonominya dan hasilnya dijangka dapat dilihat pada tahun kewangan ini. Perkembangan positif di antara rundingan dagang AS-China juga amatlah menggalakkan.

Di samping itu, penilaian Indeks MSCI Asia (kecuali Jepun) agak rendah pada awal permulaan 2019 iaitu pada nisbah harga ke atas pendapatan (PE) ke hadapan 11.0x, di bawah purata 5 tahun PE 12.8x. Para pelabur global juga secara amnya kurang memberi wajaran kepada aset pasaran baru muncul menjelang 2019.

Kedudukan makro positif ini telah disahkan oleh pemulihan pasaran pada Januari 2019 kerana para pelabur berpendapat bahawa Rizab Persekutuan AS akan kurang agresif dalam dasar monetari mereka kerana pasaran ekuiti global telah terlebih jual dalam tahun 2018.

Dari segi strategi, pengurus Dana merancang meningkatkan pendedahan ekuiti dan mengamalkan pendekatan tertompok (barbell) dalam pembentukan portfolio. Ia terdiri daripada campuran pelaburan dana ke dalam ciri-ciri seperti Kualiti (tumpuan kepada dividen dan kecairan), Nilai (saham didagangkan pada nilai yang rendah dan berada di bawah nilai intrinsiknya), dan Pertumbuhan Struktural (syarikat berkualiti dengan pertumbuhan berstruktur).

Walaupun pada masa depan, Dana akan membuat lebih banyak lagi pelaburan, kami terus kekal fleksibel dan sedar akan risiko-risiko seperti ketegangan geopolitik berpunca daripada kesan-kesan perang dagang AS-China dan potensi pertumbuhan ekonomi yang lemah yang boleh menjejaskan unjuran pendapatan.



Ulasan

PELABURAN (sambungan)

ULASAN PASARAN EKUITI MALAYSIA

Bagi 2018, barometer pasaran iaitu FBM KLCI menyusut sebanyak 5.9%, dan tutup pada 1,691 mata. Indeks FBM Emas yang merangkumi pasaran yang lebih meluas, turun sebanyak 10.9% kepada 11,528 mata manakala Indeks FBM Small Cap menyusut secara ketara sebanyak 33.7% kepada 11,299 mata.

Peningkatan harga pasaran ekuiti pada 2017 melanjut ke awal 2018 ekoran prestasi Ringgit yang lebih kukuh, kenaikan harga minyak mentah, dan aliran masuk asing bersih yang positif. Pada Mei 2018, Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia menghasilkan keputusan mengejut di mana gabungan parti Pakatan Harapan telah membentuk kerajaan baru. Menjelang akhir Mei, FBM KLCI mengalami tekanan penjualan susul berikutan tindakan para pelabur asing yang ingin mengurangkan pendedahan ekuiti mereka disebabkan ketidakpastian dasar-dasar kerajaan baru. Selain daripada ketidakpastian dasar-dasar, para pelabur juga bimbang terhadap penamatan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan impaknya ke atas kedudukan fiskal kerajaan.

Pada separuh kedua tahun 2018, FBM KLCI pada awalnya mengalami peningkatan berikutan pengenalan dasar-dasar yang lebih jelas oleh kerajaan baru. Kajian Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mendapati Indeks Sentimen Pengguna (CSI) telah mencecah paras tertinggi tahunan berikutan jangkaan bahawa kerajaan baru akan dapat membangkitkan semula ekonomi diganding dengan tempoh sifar GST dari bulan Jun hingga September 2018. Walau bagaimanapun, pembatalan beberapa projek infrastruktur besar telah memberikan kesan yang negatif terhadap sektor pembinaan.

Namun begitu, peningkatan ini hanya kekal sementara sahaja kerana prestasi FBM KLCI merosot menjelang akhir tahun disebabkan terutamanya oleh sentimen pasaran global yang lemah. Pada Oktober, pasaran global terjejas berikutan para pelabur ekuiti yang mula khawatir tentang kadar kenaikan faedah selepas Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) Jerome Powell mengulas bahawa kadar faedah polisi AS masih 'jauh' daripada neutral. Di samping itu, perang dagang di antara AS dan China yang semakin tegang telah meningkatkan tekanan terhadap jualan.

Tambahan pula, pasaran Malaysia terjejas akibat kebimbangan mengenai cukai-cukai yang mungkin diperkenalkan dalam jangka masa yang akan datang. Namun, kebimbangan ini terbukti tidak berasas kerana Kerajaan tidak mengumumkan sebarang cukai keuntungan modal dalam Belanjawannya. Walau bagaimanapun, terdapat kenaikan cukai perjudian bagi sektor kasino dan ini telah menjejaskan beberapa syarikat dalam indeks penanda aras KLCI.

Secara keseluruhannya, 2018 merupakan tahun yang mencabar bagi pasaran ekuiti Malaysia kerana kebimbangan bahawa perang dagang yang semakin intensif di antara AS dan China akan menyebabkan pertumbuhan global yang lembap dan selanjutnya meningkatkan risiko bagi pasaran ekuiti. Di samping itu, terdapat kekurangan pemangkin pendapatan yang dapat memacu pertumbuhan domestik ekonomi Malaysia, berikutan pembatalan projek-projek mega yang berpotensi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.



Ulasan

PELABURAN (sambungan)

TINJAUAN DAN STRATEGI PELABURAN PASARAN EKUITI MALAYSIA

Data ekonomi global mula menunjukkan tanda-tanda kelemahan, terutamanya pada beberapa bulan kebelakangan ini. Ekonomi China menampakkan kemunduran berikutan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) menunjukkan pengecutan di dalam aktiviti pengeluarannya. Di Eropah pula, kaji selidik keyakinan perniagaan menunjukkan kemerosotan dalam keadaan ekonomi.

Bagi Malaysia, kami percaya bahawa perkembangan makro akan memainkan peranan penting dalam prestasi ekuiti tempatan. Pada 2018, prestasi Pasaran Baru Muncul termasuk Malaysia terjejas oleh kenaikan kadar faedah AS, indeks Dolar AS yang kukuh, dan perang dagang AS-China. Melangkah ke 2019, kami menjangkakan halangan-halangan ini akan semakin berkurangan bagi kebaikan pasaran Malaysia.

Baru-baru ini Rizab Persekutuan AS menunjukkan sifat kurang agresif berkaitan kenaikan kadar faedah dalam tempoh akan datang. Ini dijangka dapat mengurangkan tekanan aliran keluar modal dari Malaysia. Selain daripada jangkakan bahawa kitaran kenaikan semasa di Amerika Syarikat mungkin akan berakhir pada akhir tempoh terdekat, Indeks Dollar AS juga tampak tidak sekukuh kedudukannya sebelum ini. Sebarang kejatuhan kedudukan Dollar AS dijangka akan membawakan perubahan positif bagi ekonomi Malaysia.

Secara keseluruhan, kami menjangkakan prestasi bursa tempatan bagi tahun 2019 akan lebih baik berbanding 2018 disebabkan oleh kekurangan pengaruh faktor-faktor luaran seperti kadar faedah AS dan kekukuhan Dollar AS. Walaupun terdapat perkembangan positif terhadap perang perdagangan AS-China, kami akan terus memantau impaknya terhadap ekonomi Malaysia. Menurut anggaran Bank Negara Malaysia (Buletin Suku Tahunan), impak keseluruhan perang dagang AS-China mungkin menjejaskan kira-kira 1.3 hingga 1.5 mata terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Bagi menjana prestasi cemerlang pada 2019, kami akan memberi tumpuan terhadap syarikat-syarikat yang asasnya adalah kukuh serta memiliki pulangan pendapatan dan aliran tunai yang mantap. Sektor-sektor yang akan diberi tumpuan termasuk sektor Kewangan, Pengguna dan Automotif. Sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko, kami akan mengawasi risiko penurunan dan mengambil untung dengan menjual-beli secara aktif. Di samping itu, kami merancang merizabkan sejumlah wang tunai bagi mencari peluang di dalam kemudahrupan pasaran.



Ulasan PELABURAN (sambungan)

ULASAN PASARAN BON

2018 telah membawakan cabaran bagi para pelabur memandangkan sebahagian besar pulangan berbentuk kupon manakala peningkatan di dalam hasil bon kerajaan telah mengurangkan keuntungan. Walaupun tiada perubahan ketara di dalam hasil selepas kenaikan kadar harga Dasar Semalaman (OPR) pada bulan Januari seperti yang dijangkakan secara meluas, kadar Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) seterusnya meningkat dengan ketara, mengakibatkan penurunan nilai Ringgit, perkembangan luaran yang malap serta spekulasi bahawa adanya kemungkinan penurunan penarafan Malaysia oleh agensi penarafan kredit antarabangsa. MGS 10 tahun yang bermula pada 3.91% meningkat 29 mata asas (bps) setinggi 4.20% pada akhir Jun sebelum menyusut semula kepada 4.07% pada Disember.

Penyertaan asing dalam pasaran hutang domestik ternyata lebih kurang pada 2018 berdasarkan sentimen berwaspada yang dibawa oleh pengetatan dasar monetari oleh bank-bank pusat utama, ketidakpastian yang timbul daripada perang dagang AS-China, geopolitik, dan peningkatan ketidakpastian dasar-dasar ekoran kemenangan mengejut Pihak Pembangkang di Malaysia. Bagi keseluruhan 2018, jumlah aliran keluar asing sebanyak RM21.9 bilion merupakan catatan terbesar semenjak 2008, yang sebahagian besarnya melibatkan MGS dengan aliran keluar asing sebanyak RM18.3 bilion. Akibatnya, pegangan asing MGS turun kepada 38.4% daripada 45.1% pada 2017.

Walau bagaimanapun, permintaan MGS kekal teguh memandangkan purata bid-to-cover (BTC) melebihi 2 kali bagi lelongan hutang kerajaan disebabkan oleh kegiatan memburu tawar oleh institusi tempatan. Prestasi bon korporat lebih baik berbanding dengan MGS disebabkan kekurangan terbitan kertas baru. Selain itu, terbitan bon dalam 2018 lebih rendah iaitu sebanyak RM103.9 bilion berbanding RM122.9 bilion pada 2017, dan kebanyakannya dikuasai oleh terbitan bertaraf AAA dan AA serta dijamin Kerajaan.



Ulasan

PELABURAN (sambungan)

TINJAUAN DAN STRATEGI PELABURAN PASARAN BON

Pada 2019, Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka meningkat sedikit antara 4.5 - 4.8% (2018: 4.7%), dengan risiko penyusutan pertumbuhan global dan perang perdagangan yang akan memberi kesan kepada sektor eksport Malaysia. Pada masa yang sama, kekurangan dasar pertumbuhan dan langkah-langkah kehematan ke atas sektor awam akan memberi kesan kepada pertumbuhan domestik. Risiko penurunan taraf juga masih kekal walaupun setakat ini agensi-agensi penarafan masih belum mengambil sebarang tindakan.

Sementara itu, tekanan inflasi di Malaysia masih rendah dan kos yang terhasil daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) nampaknya terhad selepas empat bulan (Sep-Dis 2018) ianya dilaksanakan. Indeks Harga Pengguna (CPI) masih rendah pada 1.0% tahun-ke-tahun (YoY) pada 2018 (2017: + 3.7% YoY) manakala inflasi pada 2019 diramalkan di antara 2.5-3.5% disebabkan oleh kesan asas rendah pada 2018).

Sentimen pengambilan risiko lebih dan memburu tawar menyokong peningkatan Ringgit. Nilai Ringgit masih rendah menurut sejarah Kadar Rizab Efektif Sebenar (REER) dan masih ada ruang bagi pengukuhan. Walau bagaimanapun, sentimen pengambilan risiko berkurangan secara global boleh mencetuskan jualan mendadak di dalam Pasaran Baru Muncul termasuk Ringgit.

Secara meluas, Rizab Persekutuan dijangka melambatkan atau menghentikan kenaikan kadar faedah disebabkan oleh beberapa faktor seperti pertumbuhan global yang lebih malap, impak perang perdagangan, tahap kemudaruhan pasaran yang tinggi dan inflasi rendah di Amerika Syarikat. Ini akan mendorong aliran masuk aset ke dalam Pasaran Baru Muncul.

Trend pertumbuhan global yang lembap juga akan menjejaskan perkembangan ekonomi Malaysia. Ditambah pula dengan langkah-langkah kehematan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, pertumbuhan Malaysia dijangka lebih perlahan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Prestasi pertumbuhan domestik yang rendah meningkatkan kemungkinan pemotongan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia.

Pada masa yang sama, masih terdapat sokongan yang kuat daripada para pelabur tempatan. Kecairan domestik yang amat kukuh telah dapat menyerap aliran keluar asing sekitar RM22 bilion pada 2018. Kekurangan bekalan bon-bon korporat yang berkualiti bermakna harga bon mungkin terus disokong dan kami menjangkakan hasil bon korporat akan bergerak selaras dengan hasil bon kerajaan walaupun pada kadar yang lebih perlahan.

Tempoh portfolio Dana Gibraltar BSN Bond akan diuruskan dalam tempoh matang 5-6 tahun (meningkat berbanding 2.55 tahun pada 2017). Walau bagaimanapun, strategi tempoh masa boleh berubah sekiranya terdapat perubahan jangkaan ke atas kemampuan kenaikan Ringgit, serta kadar dan kuantum kenaikan kadar faedah AS kerana ini boleh menyebabkan risiko penjualan mendadak MGS.


Kami secara lanjutan tertumpu pada penilaian bagi meningkatkan pulangan portfolio. Kami akan meneruskan pelaburan yang banyak di dalam bon korporat disebabkan oleh lebaran kredit yang baik dan untuk penambahan hasil kepada portfolio. Pada masa yang sama, kami akan menyertai tender hutang Kerajaan apabila penilaiannya berbaloi.




Prestasi DANA

DANA GIBRALTAR BSN AGGRESSIVE

Nilai aset bersih seunit Dana Gibraltar BSN Aggressive meningkat sebanyak 362.38% sejak penubuhannya (1 April 2005 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM2.1963). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Aggressive menyusut sebanyak 15.90%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Aggressive pada 31 Disember 2018







Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN STRATEGIC

Nilai aset bersih seunit Dana Gibraltar BSN Strategic meningkat sebanyak 252.72% sejak penubuhannya (1 April 2005 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM1.6754). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Strategic menyusut sebanyak 9.89%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Strategic pada 31 Disember 2018






Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN ASIAEQUITY

Nilai aset bersih seunit Dana Gibraltar BSN AsiaEquity meningkat sebanyak 29.73% sejak penubuhannya (4 Ogos 2005 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM0.6162). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN AsiaEquity meningkat menyusut sebanyak 12.07%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN AsiaEquity pada 31 Disember 2018




- Dana itu diubah strukturnya sebagai dana penyalur, dengan melabur 100% di dalam Dana Affin Hwang Select Asia Opportunity (ex Jepun) berkuat kuasa 7 Januari 2019.




Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN INCOME

Nilai aset bersih seunit Dana Gibraltar BSN Income meningkat sebanyak 74.26% sejak penubuhannya (22 September 2005 RM0.4950 hingga 31 Disember 2018 RM0.8626). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Income meningkat sebanyak 4.17%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Income pada 31 Disember 2018




- Dana ditutup, dengan asetnya dipindahkan ke Dana Gibraltar BSN Bond berkuat kuasa 7 Januari 2019.




Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN BOND

Nilai aset bersih seunit Dana Gibraltar BSN Bond meningkat sebanyak 65.35% sejak penubuhannya (29 September 2005 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM0.7854). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Bond meningkat sebanyak 4.43%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Bond pada 31 Disember 2018







Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN GLOBAL IPO

Nilai aset bersih Dana Gibraltar BSN Global IPO bagi setiap unit dikurangkan sebanyak 42.51% sejak penubuhannya (15 Februari 2007 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM0.2731). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Global IPO menyusut sebanyak 15.00%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Global IPO pada 31 Disember 2018




- Dana ditutup, dengan asetnya dipindahkan ke Dana Gibraltar BSN AsiaEquity berkuat kuasa 7 Januari 2019.




Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN GOLD AND GENERAL

Nilai aset bersih Dana Gibraltar BSN Gold and General seunit dikurangkan sebanyak 23.49% sejak penubuhannya (6 September 2007 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM0.3634). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Gold and General menyusut sebanyak 9.92%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Gold and General pada 31 Disember 2018




- Dana ditutup, dengan asetnya dipindahkan ke Dana Gibraltar BSN AsiaEquity berkuat kuasa 7 Januari 2019.




Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN ASIA PACIFIC INFRASTRUCTURE

Nilai aset bersih Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure bagi setiap unit dikurangkan sebanyak 12.23% sejak penubuhannya (15 November 2007 RM0.4750 kepada 31 Disember 2018 RM0.4169). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure menyusut sebanyak 4.16%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure pada 31 Disember 2018




- Dana ditutup, dengan asetnya dipindahkan ke Dana Gibraltar BSN AsiaEquity berkuat kuasa 7 Januari 2019.




Prestasi DANA (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN CASH

Nilai aset bersih Dana Gibraltar BSN Cash seunit meningkat sebanyak 18.82% sejak penubuhannya (3 Oktober 2011 RM0.5000 kepada 31 Disember 2018 RM0.5941). Bagi tempoh 31 Disember 2017 hingga 31 Disember 2018, Dana Gibraltar BSN Cash meningkat sebanyak 2.41%.



Komposisi Portfolio Dana Gibraltar BSN Cash pada 31 Disember 2018



- Dana ditutup, dengan asetnya dipindahkan ke Dana Gibraltar BSN Bond berkuat kuasa 7 Januari 2019.



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018

DANA GIBRALTAR BSN AGGRESSIVE

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan					
	%	%	%	%	%
Ekuiti					
Pembinaan	0.05	9.43	15.82	8.14	7.95
Produk Pengguna	19.47	21.16	8.66	15.16	4.49
Kewangan	-	-	-	2.34	1.93
Produk Perindustrian	38.27	14.56	9.26	22.75	8.80
Infrastruktur	-	-	4.85	4.44	3.31
Hartanah	-	7.48	3.70	1.49	3.07
Syarikat Pemerolehan Tujuan Khas	-	-	-	2.56	-
Teknologi	27.80	9.54	6.87	4.35	6.65
Telekomunikasi	2.15	2.07	-	-	-
Lain-lain	5.69	31.61	35.56	23.20	25.23
	93.43	95.85	84.72	84.43	61.43
Tunai & Deposit	6.57	2.26	15.86	5.48	30.67
Aset-aset Lain	-	2.53	0.26	12.09	8.34
Liabiliti	-	(0.64)	(0.84)	(2.00)	(0.44)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	48,716,812	60,049,710	51,438,742	54,746,105	46,404,660
Bilangan Unit	22,180,863	22,995,217	23,901,842	25,486,938	26,472,504
NAB (RM) Seunit	2.1963	2.6114	2.1520	2.1480	1.7529
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	2.7588	2.7567	2.2615	2.1492	1.9458
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	2.1086	2.1568	2.0653	1.7311	1.6729
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	-15.90%	21.35%	0.19%	22.54%	0.21%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	-15.90%	21.35%	0.19%	22.54%	0.21%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan					
Indeks Emas FBM	-10.90%	12.87%	-2.77%	-2.26%	-5.71%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	-15.90%	-10.90%			
Tiga Tahun	0.75%	-0.77%			
Lima Tahun	7.49%	-2.06%			
Sejak penubuhan 1 April 2005	26.34%	7.02%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Aggressive.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN STRATEGIC

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan					
	%	%	%	%	%
Ekuiti					
Pembinaan	2.14	12.62	12.50	11.83	9.93
Produk Pengguna	25.45	7.92	2.45	9.27	2.26
Kewangan	-	10.28	3.10	15.33	15.22
Produk Perindustrian	7.67	25.18	19.85	18.82	10.85
Perladangan	-	-	5.06	-	-
Infrastruktur	-	-	2.03	3.85	5.74
Perladangan	-	-	-	3.51	-
Hartanah	2.07	7.64	4.64	-	2.99
Syarikat Pemerolehan Tujuan Khas	-	-	-	2.63	-
Teknologi	2.69	4.45	2.30	-	2.71
Telekomunikasi	-	1.08	-	-	-
Perdagangan / Perkhidmatan & Lain-lain	41.67	25.91	29.53	27.62	22.04
	81.70	95.08	81.46	92.86	71.74
Tunai & Deposit	20.35	8.46	18.08	-	19.97
Aset-aset Lain	-	-	0.69	7.73	8.30
Liabiliti	(2.05)	(3.54)	(0.23)	(0.59)	(0.01)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	48,041,259	53,652,002	48,247,206	53,199,996	46,195,379
Bilangan Unit	28,675,229	28,857,216	29,236,947	32,110,045	30,023,420
NAB (RM) Seunit	1.6754	1.8592	1.6502	1.6568	1.5386
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	1.9704	1.8915	0.6431	1.7071	1.7899
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	1.9561	1.6587	0.5935	1.4688	1.4881
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	-9.89%	12.61%	-0.40%	7.68%	-6.42%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	-9.89%	12.61%	-0.40%	7.68%	-6.42%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan					
Indeks Emas FBM	-10.90%	12.87%	-2.77%	-2.26%	-5.71%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	-9.89%	-10.90%			
Tiga Tahun	0.37%	-0.77%			
Lima Tahun	1.32%	-2.06%			
Sejak penubuhan 1 April 2005	18.37%	7.02%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Strategic.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN ASIAEQUITY

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan					
	%	%	%	%	%
Ekuiti – Asing					
Produk Pengguna	-	2.33	-	1.31	3.44
Pembinaan	-	-	6.72	1.87	-
Kewangan	-	9.46	-	6.05	3.39
Industri Makanan dan Bebas Alkohol	-	-	2.43	1.56	-
Penjagaan Kesihatan	-	-	-	-	2.37
Hotel	-	-	-	-	1.24
Perindustrian	-	1.85	-	-	3.00
Infrastruktur	-	-	-	1.93	-
Teknologi Maklumat	-	-	-	4.30	2.04
Insurans	-	2.45	4.23	5.69	4.73
Bahan-bahan	-	-	-	-	1.31
Perladangan	-	2.00	-	1.03	-
Hartanah	-	1.94	-	4.90	2.17
Teknologi	-	6.06	-	-	-
Pengangkutan	-	4.41	5.17	3.01	3.64
Perkhidmatan Telekom	-	4.09	7.77	5.84	2.51
Perdagangan dan Perkhidmatan	-	5.32	2.46	1.77	-
Utiliti	-	-	2.48	-	-
Sub Jumlah	-	39.91	31.26	39.26	29.85
Ekuiti - Malaysia					
Pembinaan	-	3.33	4.06	7.78	4.95
Produk Pengguna	-	6.74	5.46	3.38	1.96
Kewangan	-	17.28	8.93	5.34	11.12
Produk Perindustrian	-	7.05	5.46	4.50	6.34
Infrastruktur	-	-	2.79	2.46	3.81
Perladangan	-	-	5.66	2.19	3.50
Hartanah	-	1.83	2.28	2.35	3.35
Waran	-	-	0.03	0.03	0.19
Perdagangan/Perkhidmatan	-	11.47	13.22	18.97	20.05
Teknologi	-	2.62	-	-	-
Amanah Pelaburan Hartanah (REITs)	-	1.14	0.47	0.40	-
Sub Jumlah	-	51.46	48.36	47.40	55.27
Tunai & Deposit	83.01	0.14	18.84	3.06	0.25
Aset-aset Lain	16.99	9.01	1.60	10.30	14.66
Liabiliti	-	(0.52)	(0.06)	(0.02)	(0.03)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	17,428,794	20,252,241	18,303,380	18,236,611	17,394,245
Bilangan Unit	28,285,505	28,900,631	29,201,849	28,630,129	27,831,821
NAB (RM) Seunit	0.6162	0.7008	0.6267	0.6369	0.6249
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.7261	0.7051	0.6431	0.6811	0.6737
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.6060	0.6284	0.5935	0.5890	0.5987



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN ASIAEQUITY (sambungan)

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	-12.07%	11.76%	-1.60%	1.92%	-2.51%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	-12.07%	11.76%	-1.60%	1.92%	-2.51%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan 50% FBM Emas + 50% MSCI Timur Jauh (Ex Jepun)*	-13.30%	19.36%	2.57%	3.12%	2.20%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	-12.07%	-13.30%			
Tiga Tahun	-1.08%	2.03%			
Lima Tahun	-0.74%	2.28%			
Sejak penubuhan 4 Ogos 2005	2.22%	6.82%			
Yuran pengurusan dana Yuran pengurusan dana sebanyak 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN AsiaEquity.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker TIADA					

* Tanda aras diukur berdasarkan Ringgit Malaysia



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN INCOME

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan	%	%	%	%	%
Hutang Sekuriti					
Pembinaan	9.80	9.47	8.71	8.74	6.17
Pengguna	-	-	-	-	3.70
Pelbagai	9.05	8.79	-	-	-
Kewangan	31.40	34.63	38.85	38.46	27.57
Perladangan	-	-	5.15	7.60	12.43
Hartanah & Harta Tanah	-	-	-	-	2.49
Telekomunikasi	-	-	-	3.80	3.77
Jalan Raya Bertol	-	-	6.65	3.64	3.63
Utiliti-Tenaga	42.51	41.89	36.75	28.89	27.44
	92.76	94.78	96.11	91.13	87.20
Tunai & Deposit, Aset-aset Lain & Liabiliti	7.24	5.22	3.89	8.87	12.80
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	7,188,205	7,439,342	7,805,832	7,948,504	8,056,994
Bilangan Unit	8,333,239	8,983,986	9,854,027	10,457,338	10,991,401
NAB (RM) Seunit	0.8626	0.8281	0.7921	0.7600	0.7330
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.8625	0.8280	0.7990	0.7603	0.7333
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.8284	0.7925	0.7602	0.7319	0.7116
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	4.17%	4.54%	4.22%	3.68%	2.79%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	4.17%	4.54%	4.22%	3.68%	2.79%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan					
Kadar Deposit Tetap Maybank + 150 mata asas setahun*	4.90%	4.59%	4.71%	4.80%	4.74%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	4.17%	4.90%			
Tiga Tahun	4.50%	4.70%			
Lima Tahun	4.20%	4.74%			
Sejak penubuhan 22 September 2005	5.59%	4.74%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1 % setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Income.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					
<i>* Berdasarkan 150 mata asas melebihi kadar Simpanan Tetap Setahun Maybank</i>					



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN BOND

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan	%	%	%	%	%
Hutang Sekuriti					
Pembinaan	6.75	7.39	7.08	7.71	5.53
Pengguna	-	-	-	-	4.42
Pelbagai	5.57	6.10	-	-	-
Kewangan	33.21	42.53	37.78	45.98	33.87
Perladangan	1.50	1.63	4.81	10.73	7.79
Hartanah & Harta Tanah	-	-	-	-	3.35
Telekomunikasi	-	-	-	3.90	4.51
Jalan Raya Bertol	-	-	9.40	2.80	3.25
Utiliti-Tenaga	26.37	32.90	23.45	17.91	19.53
	73.40	90.55	82.52	89.03	82.25
Tunai & Deposit, Aset-aset Lain & Liabiliti	26.60	9.45	17.48	10.97	17.75
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	13,552,038	12,357,699	12,491,563	10,312,518	8,990,378
Bilangan Unit	17,254,132	16,429,881	17,332,419	14,996,849	13,532,072
NAB (RM) Seunit	0.7854	0.7521	0.7207	0.6876	0.6638
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.7792	0.7521	0.7255	0.6880	0.6640
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.7512	0.7210	0.6877	0.6630	0.6462
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	4.43%	4.19%	4.81%	3.59%	2.55%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	4.43%	4.19%	4.81%	3.59%	2.55%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan					
Kadar Deposit Tetap Maybank + 150 mata asas setahun*	4.90%	4.59%	4.80%	4.80%	4.74%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	4.43%	4.90%			
Tiga Tahun	4.74%	4.70%			
Lima Tahun	4.30%	4.74%			
Sejak penubuhan 29 September 2005	4.93%	4.73%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1 % setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Bond.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					
<i>* Berdasarkan 150 mata asas melebihi kadar Simpanan Tetap Setahun Maybank</i>					



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN GLOBAL IPO

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
	%	%	%	%	%
Dana United Global IPO	-	95.47	93.26	93.55	93.52
Tunai & Deposit	93.08	-	-	-	-
Aset-aset Lain	6.92	4.60	7.52	6.66	6.81
Liabiliti	-	(0.07)	(0.78)	(0.21)	(0.33)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	9,779,207	12,472,697	11,747,014	13,029,370	13,929,100
Bilangan Unit	35,805,016	38,820,498	42,197,644	46,241,039	49,562,298
NAB (RM) Seunit	0.2731	0.3213	0.2783	0.2817	0.2810
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.3362	0.3250	0.2853	0.2927	0.3429
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.2634	0.2791	0.2409	0.2633	0.2655
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	-15.00%	15.45%	-1.21%	0.25%	-15.36%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	-15.00%	15.45%	-1.21%	0.25%	-15.36%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan (Pulangan Sepenuhnya)	6.00% p.a	6.00% p.a	6.00% p.a	6.00% p.a	6.00% p.a
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	-15.00%	6.00%			
Tiga Tahun	-1.02%	6.37%			
Lima Tahun	-4.00%	6.76%			
Sejak penubuhan 15 Februari 2007	-3.58%	8.40%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1.5 % setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Global IPO.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN GOLD AND GENERAL

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
	%	%	%	%	%
Dana United Gold & General	-	98.16	97.60	92.05	92.89
Tunai & Deposit	97.54	-	-	-	-
Aset-aset Lain	2.46	1.98	2.46	8.03	7.18
Liabiliti	-	(0.14)	(0.06)	(0.08)	(0.07)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	5,222,295	6,256,720	6,584,124	4,848,252	5,409,545
Bilangan Unit	14,368,874	15,508,568	17,174,919	18,927,606	20,255,053
NAB (RM) Seunit	0.3634	0.4034	0.3833	0.2561	0.2670
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.4180	0.4507	0.4519	0.3185	0.3552
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.3395	0.3616	0.2368	0.2333	0.2396
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	-9.92%	5.32%	49.67%	-4.08%	-17.36%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	-9.92%	5.32%	49.67%	-4.08%	-17.36%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan					
70% Indeks FT Galian Emas & 30% Indeks Perlombongan Global HSBC*	-10.80%	4.03%	66.37%	-11.21%	-17.15%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	-9.92%	-10.80%			
Tiga Tahun	13.97%	18.07%			
Lima Tahun	4.49%	4.44%			
Sejak penubuhan 6 September 2007	-2.07%	-3.17%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1.5 % setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Gold and General.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					

* Tanda aras diukur berdasarkan Ringgit Malaysia



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN ASIA PACIFIC INFRASTRUCTURE

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
	%	%	%	%	%
Dana United Asia Pacific Infrastructure	-	99.87	98.91	97.89	97.84
Tunai & Deposit	98.65	0.76	-	-	-
Aset-aset Lain	1.35	-	2.13	2.19	2.50
Liabiliti	-	(0.63)	(1.04)	(0.08)	(0.34)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	16,212,879	18,430,991	20,047,360	19,936,406	21,591,466
Bilangan Unit	38,887,053	42,374,073	47,950,558	52,609,982	58,400,373
NAB (RM) Seunit	0.4169	0.4350	0.4180	0.3789	0.3697
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.4357	0.4483	0.4216	0.3911	0.3705
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.4079	0.4186	0.3445	0.3532	0.3436
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	-4.16%	3.92%	10.32%	2.49%	8.13%
Agihan Pendapatan	-	-	-	-	-
Jumlah Pulangan Tahunan	-4.16%	3.92%	10.32%	2.49%	8.13%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan (Pulangan Sepenuhnya)	6.00% p.a	6.00% p.a	6.00% p.a	6.00% p.a	6.00% p.a
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Purata Tanda Asas Pulangan			
Setahun	-4.16%	6.00%			
Tiga Tahun	3.34%	6.37%			
Lima Tahun	5.37%	6.76%			
Sejak penubuhan 15 November 2007	-1.10%	8.14%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 1.5 % setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					



Jadual

PERBANDINGAN Prestasi

pada 31 Disember 2018 (sambungan)

DANA GIBRALTAR BSN CASH

	31 Dis 18	31 Dis 17	31 Dis 16	31 Dis 15	01 Apr 14 – 31 Dis 14
	%	%	%	%	%
Deposit Tetap & Deposit Pasaran Wang	100.27	100.19	99.95	99.08	100.01
Tunai	0.02	0.06	0.06	0.01	-
Aset-aset Lain	-	-	0.17	0.97	-
Liabiliti	(0.29)	(0.25)	(0.18)	(0.06)	(0.01)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah NAB (RM)	5,956,135	5,810,705	5,766,862	6,289,333	5,391,553
Bilangan Unit	10,025,276	10,016,498	10,164,562	11,368,080	10,000,000
NAB (RM) Seunit	0.5941	0.5801	0.5673	0.5532	0.5391
NAB (RM) tertinggi seunit sepanjang tahun kewangan	0.5941	0.5801	0.5673	0.5532	0.5391
NAB (RM) terendah seunit sepanjang tahun kewangan	0.5802	0.5674	0.5534	0.5392	0.5296
Jumlah Pulangan Dana					
Pertumbuhan Modal	2.41%	2.26%	2.55%	2.62%	1.79%
Aghian Pendapatan	-	-	-	-	-
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan					
Purata kadar deposit simpanan bank perdagangan	1.10%	1.02%	1.05%	1.05%	1.05%
Purata Pulangan Tahunan					
	Jumlah Pulangan Purata Dana	Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan			
Setahun	2.41%	1.10%			
Tiga Tahun	2.46%	1.07%			
Lima Tahun	2.96%	1.06%			
Sejak penubuhan 3 Oktober 2011	2.60%	1.06%			
Yuran pengurusan dana					
Yuran pengurusan dana sebanyak 0.75% setahun daripada Nilai Aset Bersih dikenakan ke atas Dana Gibraltar BSN Cash.					
Komisen transaksi ("Soft Commissions") diterima dari broker					
TIADA					



KENYATAAN Pengurus

DANA BERKAITAN PELABURAN

Dana-dana Berkaitan Pelaburan Gibraltar BSN terdiri daripada

Dana Gibraltar BSN Aggressive
Dana Gibraltar BSN Strategic
Dana Gibraltar BSN AsiaEquity
Dana Gibraltar BSN Income
Dana Gibraltar BSN Bond
Dana Gibraltar BSN Global IPO
Dana Gibraltar BSN Gold and General
Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure
Dana Gibraltar BSN Cash

(selepas ini dirujuk secara kolektifnya sebagai 'Dana-dana')

Saya, Rangam Bir, sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Gibraltar BSN Life Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, menurut pendapat Pengurus Dana-dana, maklumat kewangan Dana-dana seperti yang dibentangkan pada muka surat 5 hingga 30, telah disediakan menurut dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Rangam Bir

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur
4 Mac 2019



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada Pemegang Polisi Gibraltar BSN Life Berhad

(Diperbadankan in Malaysia)

(No. Syarikat 277714-A)

Dana Gibraltar BSN Aggressive
Dana Gibraltar BSN Strategic
Dana Gibraltar BSN AsiaEquity
Dana Gibraltar BSN Income
Dana Gibraltar BSN Bond
Dana Gibraltar BSN Global IPO
Dana Gibraltar BSN Gold and General
Dana Gibraltar BSN Asia Pacific Infrastructure
Dana Gibraltar BSN Cash

(selepas ini dirujuk secara kolektifnya sebagai 'Dana-dana')

LAPORAN AUDIT BERKENAAN MAKLUMAT KEWANGAN

Pendapat

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana-dana, yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2018, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan, dan penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir serta nota-nota kepada maklumat kewangan, merangkumi satu ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 5 hingga 30.

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana yang disertakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah disediakan, dari segala aspek penting, mengikut dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful berkaitan Pelaburan yang telah diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian "Tanggungjawab juruaudit terhadap audit maklumat kewangan" di dalam laporan kami. Kami beroperasi secara bebas daripada Dana-dana mengikut keperluan etika yang berkaitan dengan audit kami berkaitan maklumat kewangan di Malaysia, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut keperluan-keperluan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk digunakan sebagai asas kepada pendapat kami.

Pengutamaan terhadap perkara – asas perakaunan dan batasan terhadap pendedaran dan penggunaan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2 kepada maklumat kewangan, yang menerangkan asas perakaunan. Maklumat kewangan ini disediakan untuk membantu Dana memenuhi keperluan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan ini mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami dibuat khas untuk pemegang polisi Dana sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak selain daripada pemegang polisi Dana. Pendapat kami tidak berubah berkenaan perkara ini.



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada Pemegang Polisi

Gibraltar BSN Life Berhad (sambungan)

(Diperbadankan in Malaysia)

(No. Syarikat 277714-A)

LAPORAN AUDIT BERKENAAN MAKLUMAT KEWANGAN (sambungan)

Tanggungjawab Pengurus terhadap maklumat kewangan

Para Pengarah Gibraltar BSN Life Berhad (“Pengurus”) bertanggungjawab terhadap penyediaan maklumat kewangan ini, selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia dan bagi kawalan dalaman sepertimana yang ditentukan perlu oleh Pengurus bagi membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya Pengurus berhasrat untuk membubarkan Dana-dana atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pengurus bertanggungjawab memantau proses laporan kewangan Dana-dana.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan maklumat kewangan

